

**PERANG DAN PERLANUNAN DI SARAWAK  
PADA ERA PENJAJAHAN ABAD KE-19**

**oleh**

**LAW SZE YUNG**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**MEI 2007**

## PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana dengan petunjuk dan berkatNya tesis ini akhirnya berjaya disiapkan.

Banyak cabaran dan rintangan telah saya hadapi sepanjang menjalankan kajian ini. Namun begitu hasil tunjuk ajar, bantuan, dorongan dan bimbingan berterusan yang diberikan oleh kedua orang penyelia saya iaitu, Professor Madya Dr. Mohd Isa Othman dan Dr. Abdul Rahman Abdullah, amat membantu saya dalam menjayakan kajian ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang khas dan ikhlas kepada mereka.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia di atas segala bantuan yang dihulurkan.

Kepada keluarga saya iaitu isteri dan anak-anak, terima kasih yang tidak terhingga kerana sangat memahami dan sentiasa memberi dorongan serta galakan kepada saya.

Rakaman penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Bahagian Perpustakaan dan Arkib Jabatan Muzium Sarawak, Pusat Kegiatan Guru Betong, Sibu dan Mukah serta semua pihak yang terlibat kerana banyak membantu semasa saya mengumpul bahan-bahan dan maklumat yang diperlukan berkaitan dengan tajuk kajian. Semoga tesis ini dapat memberi sumbangan dan faedah bersama kepada perkembangan kajian sejarah tanahair.

## SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SUSUNAN KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI PENERBITAN DAN SEMINAR</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	ix
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Latar belakang kajian	1
1.1 Pernyataan masalah	5
1.2 Objektif kajian	8
1.3 Tujuan kajian	9
1.4 Persoalan kajian	9
1.5 Kepentingan kajian	10
1.6 Batasan kajian	11
1.7 Kajian Terdahulu	
1.7.1 Pengenalan	12
1.7.2 Perang	18
1.7.3 Perang di Sarawak pada era penjajahan abad ke- 19	18
1.7.4 Perlanunan	21
1.8 Metodologi kajian	26
<b>BAB 2 : SEJARAH PENJAJAHAN DI SARAWAK DAN HUBUNGANNYA DENGAN PERANG DAN PERLANUNAN</b>	
2.0 Pengenalan dan konsep penjajahan	29
2.1 Sejarah penjajahan di Sarawak pada abad ke-19	32
2.1.1 Penjajahan Kesultanan Brunei	32
2.1.2 Kaitan penjajahan Kesultanan Brunei dengan perang dan perlanunan	37
2.1.3 Penjajahan Dinasti Brooke (1841-1946)	43

## **BAB 4 : PERANG MENENTANG KERAJAAN BROOKE OLEH KONGSI CINA BAU**

4.0	Pengenalan	142
4.1	Latar belakang Liu Shanbang dan pengasasan pentadbiran Kongsi 12 di Bau	142
4.2	Sebab-sebab Kongsi Cina Bau melancarkan perang	145
4.3	Serangan Kongsi Cina Bau ke atas Kuching	155
4.4	Tindak balas kerajaan Brooke	159

## **BAB 5 : SEJARAH DAN ISU PERLANUNAN DI SARAWAK**

5.0	Perlanunan : Konsep Timur dan Barat	166
5.1	Kedudukan perlanunan dari aspek perundangan	168
5.2	Perlanunan di Kepulauan Melayu dan Borneo	172
5.3	Sejarah dan perkembangan perlanunan di Sarawak	179
5.4	Kaitan perlanunan dengan perang	185
5.4.1	Dasar Kerajaan British terhadap perlanunan di Asia Tenggara dan Borneo	186
5.4.2	Dasar Kerajaan Brooke terhadap perlanunan	189
5.4.3	Perang yang ada kaitan dengan perlanunan	193
5.4.4	Perbincangan tentang ekspedisi perang yang berkaitan dengan isu perlanunan	202
5.4.5	Perang yang tidak berkaitan dengan perlanunan	213
5.4.6	Kritikan pelbagai pihak terhadap tindakan Kerajaan Brooke	216
5.4.7	Rumusan	232

<b>BAB 6 : KESIMPULAN</b>	<b>235</b>
---------------------------	------------

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	<b>248</b>
------------------------	------------

## **LAMPIRAN 1 : Senarai Penerbitan dan Seminar**

### **1.1 Kertas Kerja bertajuk : Perang Dan Perlanungan Di Sarawak Pada Era Penjajahan Abad Ke-19.**

267

Dibentangkan dalam Kolokium Siswazah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada 9 Jun 2005 dan diterbitkan dalam bentuk prosiding oleh Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada tahun 2005.

Ia juga dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan anjuran Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan Institut Perguruan Rajang pada 29 September hingga 1 Oktober 2005 dan diterbitkan dalam Jurnal MAPERA Jilid 16 2005.

Dibentangkan semula semasa Kolokium Siswazah anjuran Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM pada 26 Ogos 2006 di USM.

# PERANG DAN PERLANUNAN DI SARAWAK PADA ERA PENJAJAHAN ABAD KE-19

## ABSTRAK

Tesis ini mengkaji tentang sejarah perang dan perlanunan di Sarawak pada era penjajahan Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke pada abad ke-19. Ia memberi fokus utama kepada sejarah perang menentang penjajahan yang dilancarkan oleh para pembesar dan pemimpin tempatan dan pengikut-pengikut mereka. Tesis ini juga membincangkan tentang sejarah dan isu perlanunan di Sarawak serta kaitannya dengan perang yang tercetus pada era penjajahan Dinasti Brooke.

Kajian ini mendapati bahawa pada umumnya pembesar dan penduduk Siniawan berperang menentang Pengiran Indera Mahkota (Gabenor Brunei yang memerintah Sarawak) kerana mereka menentang kezaliman dan pemerasan yang dilakukan oleh gabenor tersebut ke atas mereka. Selain itu, ia juga disebabkan oleh faktor sosial dan ekonomi. Walau bagaimanapun, perang tersebut bukan disebabkan oleh isu perlanunan.

Berkaitan dengan perang yang berlaku pada era penjajahan Dinasti Brooke, kajian ini mendapati bahawa penduduk tempatan dan kerajaan Brooke telah mengemukakan sebab-sebab yang berbeza mengapa mereka berperang antara satu dengan lain. Pada umumnya, para pembesar dan pengikut-pengikut mereka melancarkan perang ke atas kerajaan Brooke kerana menentang penguasaan kerajaan Brooke ke atas mereka dan pada masa yang sama mereka mahu mempertahankan kebebasan dan '*status quo*' serta memelihara adat resam dan cara hidup. Bagi kerajaan Brooke, James Brooke sering menggunakan kegiatan melanun sebagai alasan utama untuk melancarkan

ekspedisi menghukum musuh-musuh politiknya dan golongan yang menentang kerajaan. Manakala Charles Brooke menggunakan alasan untuk menghapuskan amalan berburu kepala dan untuk mewujudkan keamanan di Sarawak apabila melancarkan serangan ke atas ketua orang Iban dan para pengikut mereka yang tinggal di hulu sungai yang masih engkar dan enggan tunduk kepada kerajaan.

# **WAR AND PIRACY IN SARAWAK DURING THE COLONIAL ERA IN THE 19<sup>TH</sup> CENTURY**

## **ABSTRACT**

This thesis discussed about the history of war and piracy in Sarawak during the colonial era of Brunei Sultanate and Brooke Dynasty in the 19<sup>th</sup> century. This thesis focuses on the history of war against colonialism led by the local leaders and their followers. This thesis also discussed about the history and the issue of piracy in Sarawak and its relationship in triggering wars during the Brooke dynasty colonisation era.

This study found out that the leader and the people of Siniawan had fought against Pengiran Indera Mahkota (Brunei's Governor that ruled Sarawak) because they were against the governor's cruelty, oppression and extortion towards them. The war was also triggered by social and economic factors. However, piracy was not the cause of this war.

Regarding the wars that broke out during the Brooke Dynasty colonial era, this study had found out that the local people and the Brooke government had outlined different reasons on why they had launched wars against one another. Generally, the traditional leaders and their followers had fought against the Brooke government because they opposed the Brooke government dominance and at the same time they wanted to maintain their freedom, to preserve their status quo, custom and their way of life. As for the Brooke government, James Brooke often used piracy as an excuse to launch various punitive expeditions against his political rivals and dissident groups. On the other hand, Charles Brooke main justification was to punish head hunting and to extend peace and order in Sarawak when he launched various war

expeditions against opposing upriver Iban leaders and their followers who refused to submit themselves to his authority.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Latar Belakang Kajian

Sarawak pada abad ke-19 telah diperintah oleh Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke. Kesultanan Brunei menjadikan Sarawak sebagai sebahagian daripada jajahan takluknya sejak abad yang ke-15.<sup>1</sup> Pemerintahan Kesultanan Brunei berterusan sehingga tahun 1841. Pada tahun tersebut kuasa penjajahan telah bertukar tangan dengan perlantikan seorang pengembara Inggeris yang bernama James Brooke sebagai Rajah Putih Sarawak yang pertama oleh Sultan Brunei. Sejak tahun tersebut dinasti Brooke telah memerintah Sarawak sehingga 1 Julai 1946.<sup>2</sup>

Pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, Sarawak merupakan sebuah kawasan kecil yang dikenali sebagai '*Sarawak Proper*'. Pada hari ini kawasan yang dikenali sebagai Sarawak meliputi kawasan dari Tanjung Datu sehingga ke Sungai Sadong. Walaupun Sarawak merupakan jajahan takluk Kesultanan Brunei sejak abad ke-15 lagi, namun penguasaan pemerintahan pusat Kesultanan Brunei terhadap wilayah Sarawak amat longgar sekali terutamanya wilayah yang terletak di kawasan hulu sungai dan pendalaman. Pada hakikatnya, Kesultanan Brunei hanya menguasai kawasan muara sungai dan pantai yang penting dan strategik untuk membolehkan Brunei menguasai kegiatan perdagangan dan ekonomi Sarawak. Kebanyakan

---

<sup>1</sup> James P. Ongkili, "Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XX (40-41), 1972, hal. 1-16; Lihat juga Erik Jensen, *The Iban and their Religion*, London: Oxford University Press, 1974, hal. 11.

<sup>2</sup> Sarawak berada di bawah pendudukan Jepun dari 24 Disember 1941 hingga 11 September 1945. Pada 2 Julai 1946, Sarawak telah diserahkan kepada kerajaan British dan menjadi sebahagian daripada Tanah Jajahan British.

kawasan lain di Sarawak terutamanya di kawasan hulu sungai dan pendalaman masih dikuasai atau diperintah oleh pembesar-pembesar tradisional tempatan.<sup>3</sup>

Wilayah Sarawak berkembang berperingkat-peringkat pada zaman penjajahan Dinasti Brooke ekoran daripada dasar perluasan wilayah yang dilaksanakan oleh Rajah James Brooke dan Charles Brooke. Wilayah tersebut telah diperolehi daripada Kesultanan Brunei melalui pajakan tahunan dan paksaan. Pada 23 Ogos 1846, James Brooke berjaya memperolehi wilayah di antara Sungai Sadong dengan Sungai Oya. James Brooke kemudiannya berjaya meluaskan wilayah Sarawak sehingga ke Tanjung Kidurong di Bintulu pada 11 Ogos 1861. Pada 19 Jun 1882, kawasan wilayah Sarawak semakin berkembang dari Tanjung Kidurong hingga ke Baram. Pada 3 Januari 1885, wilayah Trusan berjaya diperolehi daripada Sultan Brunei. Kemudian, pada 17 Mac 1890 kerajaan Brooke berjaya mendapatkan Limbang. Akhir sekali, Lawas berjaya diperolehi daripada Sultan Brunei pada 5 Januari 1905. Dengan pengambilan Lawas, wilayah Sarawak merangkumi kawasan dari Tanjung Datu di selatan hingga ke Lawas di sebelah utara.<sup>4</sup>

Selain daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan penjajahan Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke, perang dan perlanungan merupakan dua peristiwa utama yang mewarnai sejarah negeri Sarawak sepanjang abad ke-19. Peperangan yang tercetus di Sarawak pada abad ini boleh dikelompokkan kepada dua kategori. Kategori yang pertama ialah perang menentang Kesultanan Brunei. Ia berlaku pada awal abad ke-19. Manakala kategori yang kedua ialah perang yang tercetus di antara pembesar dan penduduk tempatan

---

<sup>3</sup> *Sarawak-Wikipedia*, 14 Julai 2003, hal. 1.

<sup>4</sup> *Sarawak Government Almanac*, 1971, hal. 1 - 3. Lihat juga James C. Jackson, *Sarawak – Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri Yang Sedang Membangun*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hal. 54.

dengan kerajaan Brooke. Perang menentang Kesultanan Brunei yang paling signifikan dan berlarutan pada tempoh yang lama berlaku di Siniawan yang terletak daerah Bau. Dalam perang ini orang Melayu dan Bidayuh telah bergabung menentang wakil pemerintah Kesultanan Brunei iaitu Pengiran Indera Mahkota yang telah memerintah dengan zalim dan menindas mereka. Datu Patinggi Ali, seorang pembesar Melayu yang disegani dan sangat berpengaruh di daerah Bau bertindak sebagai pemimpin perang tersebut. Mereka telah mendirikan kubu di Lidah Tanah yang terletak di kaki gunung Serembau sebagai pusat perjuangan menentang Pengiran Indera Mahkota.<sup>5</sup>

Perang yang berlaku di antara penduduk tempatan dengan Dinasti Brooke pada umumnya dipimpin oleh empat golongan pemimpin tradisional tempatan iaitu pemimpin Melayu, Iban, Orang Ulu dan Cina. Pemimpin Melayu terdiri daripada Sharif Sahap dan Sharif Masahor, pemimpin Iban terdiri daripada Panglima Rentap dan Bantin. Ketua perang dari keturunan Orang Ulu yang menentang kerajaan Brooke ialah Sawing. Manakala Liu Shanbang mengetuai angkatan perang kongsi Cina menyerang pusat pentadbiran Brooke di Kuching. Selain daripada para pemimpin di atas, terdapat juga pemimpin-pemimpin tempatan lain yang turut sama melancarkan perang dalam skala yang lebih kecil dan berlaku di tempat-tempat yang berlainan ke atas pihak penjajah terutamanya kerajaan Brooke. Antaranya ialah Datu Patinggi Abdul Ghapur, Sharif Mullah, Sharif Japar, Linggir, Aji, Ngumbang, Lang Endang dan Asun. Peranan mereka dalam mengetuai perang menentang kerajaan Brooke telah meninggalkan kesan dalam sejarah perjuangan rakyat Sarawak menentang penjajahan. Akan tetapi mereka bukan merupakan fokus utama

---

<sup>5</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, London : Oxford University Press, 1965, hal. 366.

dalam kajian ini. Kajian ini memberi fokus utama kepada perang yang dipimpin oleh Sharif Masahor, Sharif Sahap, Rentap, Bantin, Sawing dan Liu Shanbang. Alasannya ialah pemimpin-pemimpin tersebut telah melancarkan perang yang amat hebat dan dalam jangka masa panjang terhadap pihak penjajah serta memberi impak yang amat besar kepada sejarah Sarawak. Alasan yang kedua ialah ada di kalangan pemimpin tersebut melancarkan perang dan gerakan penentangan terhadap penjajah di luar tempoh kajian. Misalnya Asun telah mengetuai perang menentang kerajaan Brooke pada abad ke-20. Walau bagaimanapun peranan mereka akan disentuh secara ringkas semasa membincangkan perang yang dipimpin oleh Sharif Masahor, Sharif Sahap, Rentap, Bantin dan Sawing.

Selain peperangan, sejarah awal negeri Sarawak juga banyak diwarnai oleh isu perlanunan. Kegiatan melanun telah diamalkan oleh orang Melayu dan orang Iban di Sarawak sejak turun-temurun. Kegiatan melanun di Sarawak dan di Borneo pada umumnya merupakan amalan tradisi yang dianggap sah sebelum kedatangan penjajah Barat. Ia mempunyai sejarah yang panjang dan agak berleluasa di seluruh Kepulauan Melayu. Banyak faktor yang memainkan peranan terhadap kewujudannya dan berbagai-bagai aspek perlu dilihat apabila membuat kajian mengenainya. Kebanyakan sejarawan barat menganggap perlanunan sebagai faktor utama dalam mencetuskan perang pada abad ke-19, lebih-lebih lagi pada zaman pemerintahan James Brooke. Sejauh manakah kebenarannya? Perkara ini akan dibincangkan dalam Bab 5.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Kehadiran kuasa penjajah di bumi Sarawak semenjak abad ke-15 lagi dan khususnya pada abad ke-19 telah membawa banyak perubahan dari segi sistem dan norma hidup penduduk tempatan, baik dalam aspek sosial, ekonomi mahupun politik. Walaupun sesetengah perubahan dan pembaharuan yang dibawa oleh pihak penjajah itu membawa kebaikan dan disenangi oleh penduduk tempatan namun pada keseluruhannya, mereka menganggap bahawa penjajahan tersebut lebih banyak menimbulkan masalah dan keburukan. Perasaan gelisah dan tidak puas hati terhadap pihak penjajah dan pembaharuan-pembaharuan yang membawa kesan buruk kepada pembesar dan penduduk tempatan telah menyebabkan berlakunya konflik di antara penjajah dengan penduduk Sarawak. Lama-kelamaan konflik-konflik tersebut telah mencetuskan kekacauan dan perang yang berpanjangan.

Penjajahan Kesultanan Brunei dan lebih-lebih lagi penjajahan Dinasti Brooke telah mewujudkan pertembungan di antara ideologi moden dengan ideologi tradisional masyarakat tempatan. Milton Osborne dalam kajiannya terhadap sejarah Asia Tenggara merumuskan bahawa kedatangan pihak penjajah telah mengganggu dan mencabar aturan-aturan tradisional penduduk tempatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.<sup>6</sup> Keadaan yang sama juga berlaku di Sarawak. Penduduk Sarawak yang tidak puas hati telah berjuang bersama-sama dengan pemimpin tradisional mereka untuk melancarkan perang terhadap wakil pemerintah Kesultanan Brunei dan kerajaan Brooke untuk menentang dominasi kuasa luar ke atas mereka. Mereka juga menentang semua perbuatan dan tindakan pihak penjajah yang

---

<sup>6</sup> Milton Osborne, *Region of Revolt- Focus on Southeast Asia*, Adelaide : Pregamon Press, 1970, hal. 7-12; Lihat juga Mohd. Isa Othman, *Sejarah Sosio-Politik Malaysia : Gerakan Protes*, Universiti Sains Malaysia : Pusat Pendidikan Jarak Jauh, 1987, hal. 6.

dianggap zalim, menindas dan bertentangan dengan adat resam dan amalan tradisional penduduk tempatan.

Kerajaan Brooke khususnya pada zaman pemerintahan James Brooke telah menggunakan isu perlanunan sebagai alasan utama untuk melancarkan perang atau ekspedisi menghukum ke atas orang Melayu, orang Iban dan kaum-kaum lain yang dituduh melakukan kegiatan melanun di sepanjang perairan Borneo dan kemudiannya di bahagian ulu Sarawak. Majoriti golongan yang James Brooke anggap sebagai lanun sebenarnya merupakan golongan yang menentang kehadiran dan kemaraan kuasa penjajah. Golongan tersebut ceka melancarkan perang terhadap kerajaan Brooke. Selagi kumpulan yang menentang ini tidak dihapuskan, James Brooke merasakan bahawa kedudukan beliau sebagai raja yang baru berkuasa di Sarawak tidak akan terjamin. Dengan alasan untuk menghapuskan perlanunan agar tidak mengganggu ketenteraman awam dan perkembangan aktiviti perdagangan British di Sarawak, James Brooke telah mengadakan ekspedisi-ekspedisi menghukum dan menyerang penduduk-penduduk Sarawak yang menentang kerajaannya dengan mendapatkan bantuan daripada tentera laut British dan penduduk tempatan yang menyokong kerajaannya. Pada hakikatnya, tidak semua penduduk Sarawak menentang kerajaan Brooke. Kebanyakan penduduk yang tinggal di kawasan yang dulunya dikenali sebagai '*Sarawak Proper*' merupakan sekutu kuat kerajaan Brooke dan sering digunakan sebagai tentera sambilan untuk berperang dengan penduduk yang menentang kerajaannya yang kebanyakannya tinggal di kawasan hulu sungai yang terletak di Bahagian Sri Aman, Betong dan Sarikei.

Pada zaman pemerintahan Charles Brooke, kegiatan melanun sudah berkurangan di Sarawak. Dalam melancarkan perang terhadap penduduk Sarawak yang masih engkar terutamanya orang Iban yang tinggal di kawasan hulu sungai, Charles Brooke telah menggunakan dasar menghapuskan amalan berburu kepala<sup>7</sup> sebagai sebab utama untuk menghalalkan tindakannya. Selain itu, Charles Brooke mendakwa bahawa sebab utama kebanyakan ekspedisi perang yang dilancarkan pada zaman pemerintahannya adalah bertujuan untuk menundukkan golongan yang masih engkar demi mewujudkan keamanan, menegakkan keadilan dan melindungi kegiatan perdagangan.<sup>8</sup>

Dalam membincangkan perang yang berlaku di Sarawak pada abad ke-19, kajian terperinci dijalankan dan menganalisis faktor-faktor penyebab dan pencetus peperangan, penduduk tempatan dan pemimpin tradisional yang terlibat, tempat dan urutan peristiwa pertempuran dengan merujuk kepada sumber utama dan sekunder.

Berkaitan dengan isu perlanunan, ia dibincangkan dari pelbagai sudut dan perspektif, baik dari perspektif penulis tempatan mahupun dari perspektif penulis Barat atau pihak penjajah, untuk memberi gambaran yang lebih lengkap dan jelas. Sejarah asal-usul kegiatan lanun di Kepulauan Melayu dan khususnya di Sarawak juga turut dikupas. Kajian ini juga membincangkan sebab-sebab wujudnya perlanunan dan kaitannya dengan perang yang berlaku sepanjang abad ke-19.

---

<sup>7</sup> Robert Payne, *The White Rajahs of Sarawak*, Singapore : Oxford University Press, 1992, hal. 121.

<sup>8</sup> Ulla Wagner, *Colonialism and Iban Warfare*, Stockholm : OBE-Tryck Sthim, 1972, hal. 53.

Masalah utama yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini ialah masalah mengumpul data dan maklumat penting yang sahih berkaitan dengan perkara-perkara di atas. Ini adalah kerana maklumat-maklumat yang diperlukan sama ada daripada sumber utama atau sekunder terdapat di banyak tempat yang berada agak jauh di antara satu dengan yang lain. Selain daripada itu, data dan maklumat yang diperlukan berselerak disana-sini kerana belum ada kajian yang khusus dan terperinci pernah dibuat berkaitan dengan tajuk kajian. Tambahan pula, segala data dan maklumat yang diperolehi perlu dinilai dan ditapis terlebih dahulu untuk memastikan kesahihan dan kebenarannya. Walau bagaimanapun, masalah-masalah tersebut dapat diatasi secara beransur-ansur apabila maklumat-maklumat yang diperlukan dapat diperolehi dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, menjalankan sesi temubual dan kerja lapangan.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji dan membincangkan tentang sejarah perang dan perlanunan di Sarawak pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke sepanjang abad ke-19. Ia bertujuan untuk membincangkan faktor-faktor yang mencetuskan perang sepanjang abad ke-19, baik faktor-faktor yang mendorong para pembesar tempatan dan pengikut-pengikut mereka mahupun faktor-faktor yang dikemukakan oleh Kesultanan Brunei dan kerajaan Brooke. Kajian ini juga bertujuan untuk membahaskan peranan isu perlanunan dalam mencetuskan perang pada zaman penjajahan Dinasti Brooke.

### **1.3 Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk :

- i. mengkaji dan membincangkan faktor-faktor yang mendorong para pembesar tradisional tempatan dan pengikut-pengikut mereka berperang menentang Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke,
- ii. membincangkan sebab-sebab yang dikemukakan pihak penjajah khususnya kerajaan Brooke dalam melancarkan ekspedisi perang terhadap pembesar tradisional tempatan dan para pengikut mereka,
- iii. membincangkan peranan para pembesar tradisional tempatan dalam mengetuai angkatan perang menentang penjajah,
- iv. membahaskan peranan isu perlanunan dalam mencetuskan perang di antara pembesar dan penduduk tempatan dengan kerajaan Brooke.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul, mengkaji dan menganalisis maklumat-maklumat penting dari dokumen-dokumen dan sumber sejarah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- i. Mengapakah penduduk Siniawan di daerah Bau melancarkan perang terhadap Pengiran Indera Mahkota?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mencetuskan perang di antara pembesar dan penduduk tempatan dengan kerajaan Brooke? Siapakah yang telah memimpin peperangan tersebut?
- iii. Sejauhmanakah isu perlanunan memainkan peranan dalam mencetuskan perang pada era penjajahan Dinasti Brooke?

- iv. Mengapakah golongan yang berperang menentang pihak penjajah akhirnya tewas dalam peperangan-peperangan tersebut?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Tiap-tiap peristiwa penting dalam sejarah tanahair perlu direkod dan didokumentasikan untuk rujukan, tatapan dan contoh teladan generasi yang akan datang. Sesungguhnya, perbuatan dan peristiwa yang baik dan murni perlu dicontohi ataupun diteladani dan dijadikan sebagai pedoman dalam hidup. Manakala, amalan dan peristiwa sejarah tanahair yang difikirkan tidak sesuai dengan arus perubahan zaman perlu dijaui agar ia tidak berulang pada masa yang akan datang.

Dalam mengkaji dan membincangkan tentang peristiwa perang dan kegiatan melanun yang berlaku di Sarawak pada abad ke-19, banyak perkara yang boleh dicontohi dan diteladani. Pada masa yang sama kita mendapati bahawa banyak amalan tradisional nenek moyang kita dahulu kurang sesuai diamalkan pada zaman moden ini. Perkara ini pada hemat saya sangat penting dikaji untuk tujuan penambahbaikan dan kemajuan tamadun manusia dan pembangunan di negara kita.

Belum ada satu kajian pun yang betul-betul memberi fokus utama dan membincangkan secara khusus tentang perang dan perlanunan yang berlaku di Sarawak sepanjang abad ke-19. Oleh itu, melalui kajian ini, sejarah mengenai perang dan perlanunan yang banyak mewarnai sejarah Sarawak dapat diketengahkan dengan lebih menyeluruh dengan merujuk kepada maklumat yang bertaburan dalam sumber-sumber utama dan dalam kajian dan penulisan yang telah dilakukan oleh sejarawan tempatan dan luar negara.

Kajian seperti ini sudah pasti dapat menyumbang ke arah '*existing body of knowledge*' mengenai sejarah Sarawak terutamanya sejarah yang berkaitan dengan berperangan dan perlanunan sebagai tambahan kepada kajian dan penulisan lain yang telah dibuat oleh sejarawan tempatan dan luar negara sebelum ini.

## **1.6 Batasan Kajian**

Fokus utama kajian ini ialah mengenai perang yang tercetus di antara pembesar dan penduduk Sarawak dengan pihak penjajah iaitu Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke. Kajian ini juga membincangkan sejarah dan isu perlanunan di Sarawak dan kaitannya dengan perang pada era penjajahan sepanjang abad ke-19. Walau bagaimanapun, ada kalanya peristiwa perang dan isu perlanunan yang dibincangkan melampaui tempoh abad ke-19 untuk melengkapkan urutan peristiwa dan memberi gambaran yang lebih menyeluruh. Kajian ini tidak memberi tumpuan kepada perang yang tercetus di antara suku kaum (*intertribal warfare*) di Sarawak. Kajian ini memberi fokus utama kepada perkara-perkara berikut:

- i. sejarah penjajahan di Sarawak pada abad ke-19 dan hubungannya dengan perang,
- ii. perang menentang penjajahan oleh kaum pribumi dan kongsi Cina Bau,
- iii. sejarah dan isu perlanunan di Sarawak dan kaitannya dengan perang yang tercetus di antara pembesar dan penduduk tempatan dengan kerajaan Brooke.

## 1.7 Kajian Terdahulu

### 1.7.1 Pengenalan

Robert Reece dalam kajiannya tentang sejarah Sarawak telah membahagikan sejarah perjuangan politik di Sarawak kepada enam fasa utama iaitu : penentangan para datu atau pembesar tradisional tempatan terhadap penaklukan Kesultanan Brunei pada penghujung tahun 1830an, gerakan penentangan terhadap pemerintahan dan perluasan kuasa Dinasti Brooke pada kurun ke-19, kemunculan pergerakan nasionalis Melayu pada tahun 1930an, gerakan anti-penyerahan Sarawak kepada kerajaan British selepas tahun 1946, persaingan di antara parti-parti politik untuk mendapatkan pengaruh dan kuasa pada awal tahun 1960an. Fasa yang terakhir ialah kempen ke arah penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia.<sup>9</sup> Fasa yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah fasa pertama dan kedua.

Banyak kajian dan penulisan ilmiah telah dijalankan oleh para sarjana dan sejarawan dari dalam dan luar negara tentang sejarah Sarawak, baik tentang zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, kemudian zaman pemerintahan dinasti Brooke mahupun sejarah Sarawak ketika berada di bawah pentadbiran kerajaan British. Dalam kajian-kajian tersebut, perkara pokok yang telah dibincangkan ialah mengenai sistem pentadbiran penjajah, dasar-dasar pihak penjajah, perubahan yang berlaku dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Turut dibincangkan ialah penentangan, pemberontakan dan pertelingkahan yang berlaku di antara pihak penjajah yang memegang tampuk pemerintahan dengan penduduk Sarawak.

---

<sup>9</sup> Robert Reece, "Political Pioneers", dalam Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Our Sarawak*, Kuching : Summer Times Publishing, 1983, hal. 6.

Berkaitan dengan sejarah awal Kesultanan Brunei dan sejarah penjajahan Kesultanan Brunei di Sarawak, kebanyakan sejarawan dan pengkaji mengaku bahawa tidak terdapat banyak sumber sejarah tempatan yang wujud membicarakan hal ini walaupun Brunei merupakan salah satu kesultanan yang tertua di Alam Melayu. Salah satu sumber sejarah utama yang ada dan kerap dirujuk ialah *Silsilah Raja-Raja Berunai*.<sup>10</sup> Menurut H. R. Hughes-Hallet,

*"Brunei has no discovered pre-history and no established early history; local tradition does not go back further than the first Mohammedan Sultan, contemporaneous with the introduction of the Arabic script."*<sup>11</sup>

Antara kajian yang agak komprehensif berkaitan sejarah pemerintahan Kesultanan Brunei di Sarawak ialah kajian yang dijalankan oleh penulis seperti E. Parnell (1911)<sup>12</sup>, A.E. Lawrence (1911)<sup>13</sup>, D. E. Brown (1970)<sup>14</sup>, sejarawan Brunei yang bernama Matassim Hj. Jibah (1979)<sup>15</sup> dan Chang Pat Poh (1995, 1997, 1999)<sup>16</sup>.

Berkaitan dengan sejarah penentangan penduduk Siniawan terhadap pemerintahan gabenor Brunei, Pengiran Indera Mahkota kekurangan bahan sejarah tempatan, baik dalam bentuk lisan mahupun bertulis, mengenai

---

<sup>10</sup> James P. Ongkili, "Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XX, (40-41), op. cit., hal. 1.

<sup>11</sup> H. R. Hughes-Hallet, "A sketch of the history of Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 5 (1), 1981, hal.1.

<sup>12</sup> E. Parnell, "The Tributes Paid in Former Days to the Sultan of Brunei by the then Dependent Provinces of Sarawak", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. 1, No. 1, 1911, hal. 125-130.

<sup>13</sup> A. E. Lawrence, "Stories of the first Brunei conquest on the Sarawak Coast", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. 1, Nos. 1-4, 1911, hal. 120-124.

<sup>14</sup> D. E. Brown, *Brunei : The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*, Brunei : Brunei Museum, 1970.

<sup>15</sup> Matassim Hj. Jibah, "Pengiran Indera Mahkota, Shahbandar Mohammad Salleh and James Brooke in the history of Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4, 1979, hal. 38-74.

<sup>16</sup> Chang Pat Poh, *The Land of Freedom Fighters*, Kuching : Lee Ming Press, 1995; *Heroes of The Land of Hornbill*, Kuching : Lee Ming Press, 1997 dan *Legends and History of Sarawak*, Kuching : Lee Ming Press, 1999.

peristiwa penentangan tersebut menyebabkan kajian mengenainya banyak bergantung kepada maklumat yang bertaburan di sana sini daripada catatan dan penulisan awal yang dilakukan oleh penulis Barat seperti Rodney Mundy (1848)<sup>17</sup> dan daripada kajian yang dijalankan oleh penulis dan sejarawan tempatan seperti Benedict Sandin (1967)<sup>18</sup>, Buyong Adil (1974)<sup>19</sup> dan Chang Pat Poh (1987,1995,1997)<sup>20</sup>. Selain daripada itu, maklumat berkaitan penentangan penduduk Bau boleh didapati daripada *The Sarawak Museum Journal*, *The Brunei Museum Journal*, *Sarawak Gazette* dan *Borneo Research Buletin*.

Sejarawan dan penulis yang pernah mengkaji sejarah Sarawak pada zaman penjajahan Brooke terdiri daripada ahli sejarah, pengarang, pendakwah agama, pelawat dan para pegawai kerajaan Brooke. Kebanyakan tulisan mereka lebih memberi tumpuan kepada kelebihan dan keistimewaan pemerintahan keluarga Brooke. Para penulis ini nampaknya sangat terpesona dengan kebolehan dan ketokohan James Brooke dan para penggantinya yang menurut mereka dapat memerintah Sarawak dengan baik, memperkenalkan sistem undang-undang yang moden dan adil serta berjaya menghapuskan golongan yang dianggap pemberontak atau lanun. Di antara penulis-penulis tersebut ialah Henry Keppel (1846, 1853, 1899)<sup>21</sup>, R. Mundy (1848)<sup>22</sup>, Hugh

---

<sup>17</sup> Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labuan: From the Journals of James Brooke, Esq., Rajah of Sarawak, and Governor of Labuan. Together with a Narrative of the Operations of H.M.S. Iris*, 2 Vols., London : John Murray, 1848.

<sup>18</sup> Benedict Sandin, *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, London : MacMillan, 1967.

<sup>19</sup> Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

<sup>20</sup> Chang Pat Poh, "Major Events in the History of Bau", *The Sarawak Government Gazette*, Vol. CXIII, No. 1499, 1987, hal. 25-43; *The Land of Freedom Fighters*, op. cit. dan *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. .

<sup>21</sup> Henry Keppel, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido For The Suppression Of Piracy*, (2nd Edition) Vol. 2, London, 1846; *A visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Meander with Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B.*, 2 Vols., London : Richard Bentley, 1853 dan *A Sailor's Life Under Four Sovereigns*, 3 Vols., London : Macmillan, 1899.

Low (1848)<sup>23</sup>, Gault Baring dan C.A. Bampfylde (1909)<sup>24</sup>, Steven Runciman (1960)<sup>25</sup>, A. B. Ward (1966)<sup>26</sup>, Colin N. Crisswell (1978),<sup>27</sup> Robert Payne (1992)<sup>28</sup> dan lain-lain lagi. Selain memberikan fokus utama kepada ketiga-tiga Rajah Putih yang memerintah Sarawak, mereka juga menulis tentang kejayaan ekspedisi-ekspedisi perang yang dilancarkan kerajaan Brooke terhadap golongan yang menentang kerajaannya, dalam misi menghapuskan kegiatan lanun dan seterusnya meluaskan wilayah jajahan.

Beberapa kajian juga telah dijalankan berkaitan dengan penentangan penduduk Sarawak dan para pemimpin tradisional tempatan terhadap penjajahan kerajaan Brooke. Penentangan daripada pembesar Melayu pernah dikaji oleh sejarawan seperti S. Gault Baring dan C. A. Bampfylde (1909)<sup>29</sup>, A. M. Cooper (1968)<sup>30</sup>, Joan Rawlins (1969)<sup>31</sup>, Buyong Adil (1974)<sup>32</sup>, Colin N. Crisswell (1978)<sup>33</sup>, Mohd Isa Othman (1987, 1999)<sup>34</sup> dan Chang Pat Poh (1995, 1997, 1999)<sup>35</sup>.

---

<sup>22</sup> Rodney Mundy, *Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labuan: From the Journals of James Brooke, Esq., Rajah of Sarawak, and Governor of Labuan. Together with a Narrative of the Operations of H.M.S. Iris, 2 Vols.*, op. cit. .

<sup>23</sup> Hugh Low, *Sarawak - Its Inhabitants and Productions Being Notes During A Residence In That Country With His Excellency Mr. Brooke*, London : Richard Bently, 1848.

<sup>24</sup> Gault Baring and C. A. Bampfylde, *A history of Sarawak under its two White Rajahs, 1839-1908*, London : Henry Sotheran & Co., 1909.

<sup>25</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs - A History of Sarawak From 1841-1946*, London : Cambridge Press, 1960.

<sup>26</sup> A. B. Ward, *Rajah's Servant*, New York : Department of Asian Studies, Cornell University, 1966.

<sup>27</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1978.

<sup>28</sup> Robert Payne, *The White Rajahs Of Sarawak*, op. cit. .

<sup>29</sup> Gault Baring and C. A. Bampfylde, *A history of Sarawak under its two White Rajahs, 1839-1908*, op. cit. .

<sup>30</sup> A. M. Cooper, *Men of Sarawak*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1968.

<sup>31</sup> Joan Rawlins, *Sarawak 1839 to 1968*, (Second Edition), London : Macmillan, 1969.

<sup>32</sup> Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, op. cit. .

<sup>33</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*, op. cit. .

<sup>34</sup> Mohd Isa Othman, *Sejarah Sosio-Politik Malaysia : Gerakan Protes*, op. cit. dan *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20*, Universiti Sains Malaysia : Utusan Publication, 1999.

<sup>35</sup> Chang Pat Poh, *The Land of Freedom Fighters*, op. cit.; *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. dan *Legends and History of Sarawak*, op. cit. .

Penentangan orang Iban dan orang Ulu terhadap kerajaan Brooke pernah dikaji oleh penulis dan sejarawan seperti Steven Runciman (1960)<sup>36</sup>, Robert Pringles (1965, 1970)<sup>37</sup>, Benedict Sandin (1966, 1994)<sup>38</sup>, A. M. Cooper (1968),<sup>39</sup> Ulla Wagner (1972)<sup>40</sup>, Colin N. Crisswell (1978)<sup>41</sup>, Mohd Isa Othman (1987, 1999, 2002)<sup>42</sup> dan Chang Pat Poh (1995, 1997, 1999)<sup>43</sup>. Selain itu, maklumat-maklumat yang berkaitan perang dan penentangan pembesar dan penduduk tempatan dapat diperolehi daripada sumber-sumber asal seperti Tugu Peringatan Rentap, Tugu Pahlawan Sarawak, Surat Rasmi, Akhbar, Rekod Manuskrip Pejabat Hal-Ehwal Luar British (F. O), Rekod Manuskrip Pejabat Tanah Jajahan (C. O.), Mikro Filem, *Parliamentary Papers* dan dari Jabatan Muzium Sarawak.

Sejarawan seperti Brian Taylor (1969)<sup>44</sup>, J.R. Hipkins (1971)<sup>45</sup>, John M. Chin (1981)<sup>46</sup>, Chang Pat Foh (1986, 1994, 1995, 1997, 1999)<sup>47</sup> dan Daniel Chiew (1990)<sup>48</sup> menumpukan penulisan mereka kepada serangan kongsi Cina

---

<sup>36</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs - A History of Sarawak From 1841-1946*, op. cit. .

<sup>37</sup> Robert Pringles, "The murder of Fox and Steele : Masahor's Version", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XII, No. 25-26, 1965 dan *Rajah and Rebels - The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1946*, New York : Cornell University Press, 1970.

<sup>38</sup> Benedict Sandin, "Iban Hero Dreams and Apparitions", *The Sarawak Museum Journal*, 1966 dan "The Iban under Brooke rule", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVI, No. 67 (New Series), 1994.

<sup>39</sup> A. M. Cooper, *Men of Sarawak*, op. cit. .

<sup>40</sup> Ulla Wagner, *Colonialism and Iban Warfare*, op. cit. .

<sup>41</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*, op. cit. .

<sup>42</sup> Mohd Isa Othman, *Sejarah Sosio-Politik Malaysia : Gerakan Protes*, op. cit.; *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20*, op. cit. dan *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, 2000.

<sup>43</sup> Chang Pat Poh, *The Land of Freedom Fighters*, op. cit.; *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. dan *Legends and History of Sarawak*, op. cit. .

<sup>44</sup> Brian Taylor, "The Chinese Revolt", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XVII, Nos. 34-35 (New Series), 1969.

<sup>45</sup> J. R. Hipkins, "History of the Chinese in Borneo", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XIX, Nos. 38-39, 1971.

<sup>46</sup> John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1981.

<sup>47</sup> Chang Pat Poh, "Bau Chinese Rebellion 1857", *The Sarawak Government Gazette*, Vol. CXII, No. 1495, 1986; "Liu Shanbang : The hero who refused to be ruled by the White Rajah", *The Sarawak Government Gazette*, Volume CXXI, No. 1529, 1994; *The Land of Freedom Fighters*, op. cit.; *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. dan *Legends and History of Sarawak*, op. cit. .

<sup>48</sup> Daniel Chiew, *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier : 1841-1941*, Singapore : Oxford University Press, 1990.

Bau terhadap pusat pentadbiran Brooke di Kuching pada tahun 1857. Menurut mereka serangan tersebut bertujuan untuk menghapuskan James Brooke yang didakwa banyak mengawal dan menyusahkan kehidupan mereka. Kongsi Cina Bau yang dipimpin oleh Liu Shanbang dikatakan tidak memusuhi pegawai British lain yang berkhidmat di Sarawak. Hal ini terbukti apabila rekod sejarah mendapati kongsi Cina Bau tidak menyerang atau mengapa-apakan kediaman orang British yang lain seperti kediaman Bishop Francis MacDougall.

Penulis dan sejarawan tempatan seperti Benedict Sandin (1967, 1994)<sup>49</sup>, Buyong Adil (1974)<sup>50</sup>, John M. Chin (1981)<sup>51</sup>, Chang Pat Poh (1995, 1997, 1999)<sup>52</sup>, Mohd Isa Othman (1999, 2002)<sup>53</sup> dan Rudi Affendi Khalid (1997)<sup>54</sup> telah membincangkan bagaimana penduduk tempatan yang diketuai oleh pemimpin mereka melancarkan gerakan penentangan terhadap pihak penjajah untuk membebaskan tanahair mereka. Para penulis yang awal masih terikat dengan istilah pemberontak (*rebel*) semasa membincangkan gerakan penentangan ke atas pihak penjajah. Walau bagaimanapun fokus penulisan sarjana tempatan mulai berubah dalam membincangkan sejarah perjuangan penduduk tempatan Sarawak. Mereka tidak lagi terikat dengan tafsiran sejarah yang bercorak '*western-centric*'. Mereka membahaskan bahawa pemimpin tempatan yang dulunya dilabelkan oleh penjajah sebagai ketua pemberontak atau ketua lanun telah diangkat dan diiktiraf sebagai ketua pejuang atau pahlawan tanahair. Menurut mereka, pembesar-pembesar tradisional seperti

---

<sup>49</sup> Benedict Sandin, *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, 1967 dan "The Iban under Brooke rule", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVI, No. 67 (New Series), 1994.

<sup>50</sup> Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, op. cit. .

<sup>51</sup> John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, op. cit. .

<sup>52</sup> Chang Pat Poh, *The Land of Freedom Fighters*, op. cit., *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. dan *Legends and History of Sarawak*, op. cit. .

<sup>53</sup> Mohd Isa Othman, *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20*, op. cit. dan *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, op. cit. .

<sup>54</sup> Rudi Affendi Hj. Khalid, *Rosli Dhobi Di Tali Gantung*, Kuching : Gaya Media Sdn. Bhd., 1997.

Datu Patinggi Ali, Liu Shanbang, Rentap, Sharif Sahap, Sharif Masahor, Bantin, Sawing dan sebagainya merupakan pahlawan tanahair yang gigih memimpin pengikut mereka dalam melancarkan gerakan penentangan atau protes terhadap pihak penjajah sepanjang abad ke-19. Matlamat utama perjuangan mereka ialah untuk menghalang kemaraan kuasa dan mengusir pihak penjajah dari Sarawak.

### 1.7.2 Perang

*Kamus Dewan Edisi Baru* mentakrifkan perang sebagai perkelahian, pertempuran, pergaduhan dan perjuangan dengan menggunakan senjata antara negeri dengan negeri lain atau antara satu pihak dengan pihak yang lain.<sup>55</sup> Dalam kajian ini, perang yang dirujuk sebagai perang yang melibatkan dua pihak iaitu para pemimpin tradisional bersama pengikut-pengikut mereka yang berperang menentang pihak penjajah iaitu Kesultanan Brunei dan Kerajaan Brooke.

### 1.7.3 Perang Di Sarawak Pada Era Penjajahan Abad Ke-19

Kajian ini memberi fokus utama kepada peristiwa pertempuran yang melibatkan penggunaan senjata dan pertumpahan darah di antara penduduk tempatan yang diketuai oleh pemimpin tradisional mereka dengan Kesultanan Brunei dan kerajaan Brooke sepanjang abad ke-19. Kajian ini juga mengupas isu-isu lain seperti konflik, persengketaan dan kekacauan yang akhirnya mencetuskan perang di antara kedua-dua pihak. Kerajaan Brooke lebih cenderung menggunakan istilah ekspedisi menghukum (*punitive expedition*)

---

<sup>55</sup> *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 942.

untuk merujuk kepada ekspedisi perang yang dilancarkan terhadap golongan yang engkar dan menentang kerajaannya. Ekspedisi menghukum merupakan cara utama kerajaan Brooke melancarkan perang yang lebih terancang terhadap golongan yang engkar dan golongan yang dianggap sebagai lanun. Pihak penjajah, (iaitu Kesultanan Brunei dan Kerajaan Brooke) menggunakan label negatif terhadap golongan penduduk tempatan yang menentang dan melancarkan perang terhadap mereka. Di antara label yang kerap mereka gunakan ialah pemberontak, penentang, musuh kerajaan, kongsi gelap, perompak, lanun, penjenayah dan sebagainya.

Perang yang tercetus di antara penduduk tempatan dengan pihak penjajah tidaklah berlaku secara meluas, ia hanya berlaku di bahagian dan daerah tertentu. Misalnya, perang menentang Kesultanan Brunei hanya berlaku di sekitar Siniawan di daerah Bau. Manakala perang yang tercetus pada zaman penjajahan Dinasti Brooke berlaku di Sadong yang terletak di daerah Simunjan, di Saribas, Skrang, Beting Maru, Lubok Antu dan Bukit Sadok yang pada hari ini terletak di Bahagian Betong, di Lingga dan Patusan yang terletak di Bahagian Sri Aman (dulu dikenali sebagai Simanggang), di daerah Bau yang terletak di Bahagian Kuching serta di Bahagian Sarikei dan Mukah. Para sarjana sependapat bahawa peperangan dan pertempuran tersebut tidaklah berlaku secara serentak. Perang tersebut lebih bersifat kedaerahan atau bercorak tempatan. Tidak semua penduduk dan pemimpin tradisional Sarawak terlibat melancarkan perang terhadap penjajah. Ada di antara mereka yang menjadi sekutu kuat penjajah dan sering digunakan sebagai tentera sambilan untuk menyerang golongan yang menentang seperti yang berlaku pada zaman penjajahan Dinasti Brooke.

Kajian awal yang dijalankan oleh sejarawan tempatan dan luar negara telah membincangkan berbagai faktor yang mencetuskan perang sepanjang abad ke-19. Pada zaman pemerintahan Kesultanan Brunei, kebanyakan sejarawan merumuskan bahawa penduduk di Siniawan Bau melancarkan perang kerana tidak tahan dengan kezaliman gabenor Pengiran Indera Mahkota. Sementara itu, kebanyakan penulis dan sejarawan Barat mendakwa bahawa kegiatan melanun yang berleluasa di perairan Sarawak merupakan penyebab dan pencetus utama peperangan yang berlaku pada zaman pemerintahan James Brooke. Penulis seperti Henry Keppel (1846)<sup>56</sup>, A. M. Cooper (1968)<sup>57</sup>, Robert Pringles (1970)<sup>58</sup>, Nicholas Tarling (1978)<sup>59</sup>, Owen Rutter (1986)<sup>60</sup> dan Robert Payne (1992)<sup>61</sup> mengatakan peperangan berlaku ekoran usaha-usaha hebat James Brooke dalam kempennya menghapuskan perlanunan orang Melayu dan orang Iban. Bagaimanapun, terdapat juga penulis tempatan dan barat seperti Leigh Richard Wright (1963)<sup>62</sup>, Benedict Sandin (1994)<sup>63</sup>, Ulla Wagner (1972)<sup>64</sup>, Colin N. Crisswell (1978)<sup>65</sup>, D. J. M. Tate (1988)<sup>66</sup>, Chang Pat Foh (1995, 1997, 1999)<sup>67</sup> dan Mohd Isa Othman

---

<sup>56</sup> Henry Keppel, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido For The Supression Of Piracy*, (2nd Edition) Vol. 2, op. cit. .

<sup>57</sup> A. M. Cooper, *Men of Sarawak*, op. cit. .

<sup>58</sup> Robert Pringles, *Rajah and Rebels – The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1946*, op. cit.

<sup>59</sup> Nicholas Tarling, *Piracy and Politics in the Malay World*, New Zealand : Kraus-Thomson Organisation Ltd., 1978.

<sup>60</sup> Owen Rutter, *The Pirate Wind, Tales of the Sea-Robbers of Malaya*, Singapore : Oxford University Press, 1986.

<sup>61</sup> Robert Payne, *The White Rajahs Of Sarawak*, op. cit. .

<sup>62</sup> Leigh Richard Wright, *British policy in the South China Sea area with special reference to Sarawak, Brunei and North Borneo, 1860-1888*, 1963, Mikro Filem 171.

<sup>63</sup> Benedict Sandin, "The Iban under Brooke rule", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVI, No. 67 (New Series), op. cit. .

<sup>64</sup> Ulla Wagner, *Colonialism and Iban Warfare*, op. cit. .

<sup>65</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*, op. cit. .

<sup>66</sup> D. J. M. Tate, *Rajah Brooke's Borneo, The Nineteenth Century World of Pirates and Headhunters, Orang Utan and Hornbills, and Other Such Rarities as Seen through The Illustrated London News and Other Contemporary Sources*, Hong Kong : John Nicholson Ltd., 1988.

(1999, 2002)<sup>68</sup> tidak menafikan bahawa perlanunan merupakan salah satu daripada faktor yang mencetuskan peperangan tersebut. Namun begitu, menurut mereka selain faktor yang berkaitan dengan perlanunan, faktor-faktor lain seperti faktor sosial, politik dan ekonomi juga turut memainkan peranan dalam mencetuskan perang. Pendek kata, mereka berpendapat bahawa perang yang berlaku sepanjang abad ke-19 di Sarawak bukan hanya disebabkan oleh isu perlanunan.

#### 1.7.4 Perlanunan

Perlanunan, sama seperti kes jenayah lain merupakan salah satu kegiatan terawal manusia yang pernah direkod. Berkaitan dengan sejarah kewujudan dan pengertian perlanunan secara umum, Hamilton Cochran menjelaskan bahawa,

*“Almost from the dawn of history there have been armed men who would rather steal from others than earn their living. On land they were called robbers or highwaymen. On the sea they were called pirates.”*<sup>69</sup>

Walau bagaimanapun, era permulaan perlanunan moden dikatakan bermula pada zaman pertengahan. Kegiatan melanun bertambah rancak sekitar abad ke-16 dan ke-17. Perlanunan hanya dapat dibendung dengan lebih berkesan hasil kerjasama pelbagai pihak dan negara di peringkat antarabangsa kira-kira seratus tahun yang lalu. Pusat kegiatan lanun dikatakan bermula di barat Mediterranean. Ia mula dilakukan oleh penduduk di perairan Barbary.

---

<sup>67</sup> Chang Pat Poh, *The Land of Freedom Fighters*, op. cit.; *Heroes of The Land of Hornbill*, op. cit. dan *Legends and History of Sarawak*, op. cit. .

<sup>68</sup> Mohd Isa Othman, *Gerakan Protes dalam Perspektif Sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20*, op. cit. dan *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, op. cit. .

<sup>69</sup> Hamilton Cochran, *Pirates of the Spanish Man*, New York : American Heritage Publishing Co., 1961, hal. 10.

Kegiatan melanun terus tersebar luas sehingga ke Mesir dan Rom.<sup>70</sup> Di Kepulauan Melayu, ia dikatakan sangat berleluasa pada abad ke-18 sehingga abad ke-19. Menurut William W.C. Scott, kegiatan melanun dilakukan oleh orang Bugis, Melayu, Bajau, Illanun, Balanini dan Iban.<sup>71</sup> Di Sarawak khususnya, kegiatan melanun dikatakan dilakukan oleh orang Melayu dan Iban.

Istilah lanun dalam Bahasa Inggeris ialah '*pirate*' yang merujuk kepada 'perompak laut'. '*Piracy*' bermaksud melakukan 'rompakan di laut'.<sup>72</sup> Jesteru, '*piracy*' atau perlanunan merujuk kepada kegiatan melanun atau merompak yang dilakukan di laut. Menurut Ahmad Jelani Halimi, perkataan 'lanun' dan 'melanun' tidak wujud dalam peristilahan Melayu lama. Istilah tersebut hanya wujud selepas abad ke-19. Istilah yang diguna untuk merujuk kepada sebarang kegiatan mengambil harta orang secara kekerasan di laut dan di darat ialah 'merompak' yang dilakukan oleh 'perompak'.<sup>73</sup> *Tuhfat al-Nafis* dan beberapa buah buku tempatan yang lain menggunakan istilah 'perompak laut' atau 'perompak di laut'.<sup>74</sup>

Menurut James F. Warren, istilah 'lanun' sebagai perompak laut berasal daripada perkataan Magindanao iaitu "I-Lanaw-en" yang bermaksud orang dari tasik. Kawasan penempatan mereka ialah di Kepulauan Filipina, Tanah Melayu, Jawa dan Sumatra. Istilah "Illanun" yang diguna oleh orang Eropah mencakupi makna Iranun, Illanaon, Lanun dan Illano.<sup>75</sup> Mereka dinamakan orang atau bangsa Illanun kerana pada suatu ketika dahulu adalah

---

<sup>70</sup> Philip Gosse, *The History of Piracy*, New York : Tudor Publishing Company, 1934, hal. 1 – 10.

<sup>71</sup> William W. C. Scott, "Enquiries Into The Illanun Pirates Of The North Borneo", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XXXIX, No.60, 1988, hal. 170.

<sup>72</sup> *Kamus Dwibahasa*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 915.

<sup>73</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka – Abad ke-15 hingga ke-18*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hal.188.

<sup>74</sup> Maklumat lanjut lihat Munir bin Ali, (Ed.), *Tuhfat Al-Nafis, Al-Marhum Raja Ali-Haji Riau*, Singapore, 1965.

<sup>75</sup> James F. Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, Singapore : Singapore University Press, 1981, hal. 149.

dipercayai sebahagian besar kegiatan harian mereka ialah merompak di laut. Mereka merupakan kumpulan perompak laut yang sangat berani dan ganas serta mempunyai kelengkapan laut yang baik dan kuat. Mereka bergiat cergas melakukan kegiatan merompak di perairan Sulu dan Selatan Mindanao. Kadang-kadang mereka lebih dikenali sebagai lanun Sulu dan Mindanao iaitu yang terdiri daripada orang-orang Illanun dan Balanini.<sup>76</sup> Menurut Ahmad Jelani Halimi,

“Oleh sebab mereka terkenal hampir ke seluruh Nusantara sebagai perompak laut, maka masyarakat Melayu telah mesinonimkan nama suku kaum itu, Iranun atau Illanun, dengan kegiatan perompakan di laut. Oleh itu, selepas abad ke-19, istilah lanun telah digunakan oleh orang Melayu sebagai ganti bagi istilah ‘perompak laut’.”<sup>77</sup>

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini istilah lanun bukanlah bermaksud orang atau bangsa Illanun yang melakukan kegiatan melanun di perairan Sulu dan Mindanao, sebaliknya istilah “lanun” dan “perlanunan” khusus merujuk kepada perompak laut dan kegiatan melanun yang berlaku di Sarawak sebelum dan semasa zaman penjajahan Kesultanan Brunei dan Dinasti Brooke sepanjang abad ke-19. Dalam sejarah penjajahan Brooke di Sarawak, nampaknya kerajaan Brooke khususnya James Brooke telah melabelkan penduduk tempatan yang terlibat dalam perang antara suku kaum (*intertribal warfare*), amalan berburu kepala (*headhunting*) dan golongan yang masih engkar, menentang dan melancarkan perang terhadap kerajaan sebagai golongan lanun.

---

<sup>76</sup> Nicholas Tarling, *Piracy and Politics in the Malay World*, op. cit., hal. 146.

<sup>77</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka – Abad ke-15 hingga ke-18*, op. cit., hal. 189.

Jesteru, perlanunan merupakan satu isu yang amat kontroversi dalam sejarah Sarawak. Kebanyakan sejarawan Barat yang mengkaji sejarah Sarawak telah mengaitkan perlanunan sebagai penyebab utama peperangan yang berlaku di Sarawak. Mereka mendakwa bahawa perlanunan merupakan faktor utama yang mendorong kerajaan Brooke melancarkan ekspedisi menghukum pembesar tradisional dan penduduk tempatan yang dianggap melakukan kegiatan melanun di kawasan perairan dan sepanjang sungai utama Sarawak terutamanya di Sungai Saribas dan Sungai Batang Lupar. Isu perlanunan memainkan peranan penting dalam mencetuskan perang di Sarawak sepanjang abad ke-19, lebih-lebih lagi pada zaman penjajahan Dinasti Brooke.

Tidak banyak kajian yang memberi fokus utama kepada kegiatan melanun di Sarawak. Salah satu daripada sebabnya ialah kekurangan dokumen dan sumber sejarah yang berkaitan dengan perlanunan. Lagipun, penulisan tentang sejarah Sarawak banyak ditumpukan kepada sejarah penjajahan dan politik. Kajian awal yang pernah dibuat membincangkan secara ringkas kepada aspek sejarah dan perkembangan kegiatan melanun. Para sejarawan melihat isu perlanunan dalam sejarah Sarawak dari sudut yang berbeza. Mereka tidak menafikan tentang kewujudan perlanunan dalam sejarah awal Sarawak. Kebanyakan sejarawan Barat melabel penduduk Sarawak yang engkar dan menentang kerajaan Brooke sebagai lanun. Orang Iban dari Saribas dan Skrang yang masih meneruskan perang antara suku kaum pada zaman penjajahan Dinasti Brooke dan menyerang suku kaum Iban lain yang pro-kerajaan Brooke juga dianggap sebagai golongan lanun.

Hamilton Cochran (1961)<sup>78</sup> dan Philip Gosse (1934)<sup>79</sup> pernah membuat kajian secara komprehensif berkaitan sejarah perlanunan yang berlaku di seluruh dunia. Kegiatan melanun di Kepulauan Melayu pernah dikaji oleh sejarawan seperti Nicholas Tarling (1978)<sup>80</sup>, James F. Warren (1981)<sup>81</sup>, Owen Rutter (1986)<sup>82</sup>, Azmi Yusof (1989)<sup>83</sup> dan Ahmad Jelani Halimi (2006)<sup>84</sup>. Alfred P. Rubin (1974)<sup>85</sup> telah membincangkan kedudukan perlanunan dari aspek perundangan.

Berkaitan dengan sejarah dan kegiatan melanun di Sarawak, ramai penulis telah membincangkannya dalam penulisan mereka walaupun ia bukan merupakan tajuk utama dalam kajian mereka. Antara penulis dan sejarawan yang pernah menulis tentang perlanunan di Sarawak ialah Henry Keppel (1846, 1853, 1899)<sup>86</sup>, Steven Runciman (1960)<sup>87</sup>, Joan Rawlins (1969)<sup>88</sup>, Robert Pringles (1970)<sup>89</sup>, Benedict Sandin (1964, 1967)<sup>90</sup>, Nicholas Tarling (1978)<sup>91</sup>, Colin N. Crisswell (1978)<sup>92</sup>, Robert Payne (1992)<sup>93</sup> dan Graham Irwin (1986)<sup>94</sup>.

---

<sup>78</sup> Hamilton Cochran, *Pirates of the Spanish Man*, op. cit. .

<sup>79</sup> Philip Gosse, *The History of Piracy*, op. cit. .

<sup>80</sup> Nicholas Tarling, *Piracy and Politics in the Malay World*, op. cit. .

<sup>81</sup> James F. Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, op. cit. .

<sup>82</sup> Owen Rutter, *The Pirate Wind, Tales of the Sea-Robbers of Malaya*, op. cit. .

<sup>83</sup> Azmi Yusof, *Keterlibatan golongan pemerintah di dalam kegiatan melanun di perairan Melayu pada kurun ke-18 dan ke-19*, Universiti Sains Malaysia, 1988/89.

<sup>84</sup> Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka – Abad ke-15 hingga ke-18*, op. cit. .

<sup>85</sup> Alfred P. Rubin, *Piracy Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1974.

<sup>86</sup> Henry Keppel, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido For The Suppression Of Piracy*, (2nd Edition) Vol. 2, op. cit.; *A visit to the Indian Archipelago in H.M. Ship Meander with Portions of the Private Journal of Sir James Brooke, K.C.B.*, 2 Vols., op. cit. dan *A Sailor's Life Under Four Sovereigns*, 3 Vols., op. cit. .

<sup>87</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs - A History of Sarawak From 1841-1946*, op. cit. .

<sup>88</sup> Joan Rawlins, *Sarawak 1839 to 1968*, (Second Edition), op. cit. .

<sup>89</sup> Robert Pringles, *Rajah and Rebels – The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1946*, op. cit. .

<sup>90</sup> Benedict Sandin, "The beginning of the Saribas piracy on Santubong mountain", *The Sarawak Government Gazette*, No. 1277, 31 Julai 1964 dan *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*, op. cit. .

<sup>91</sup> Nicholas Tarling, *Piracy and Politics in the Malay World*, op. cit. .

<sup>92</sup> Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*, op. cit. .

<sup>93</sup> Robert Payne, *The White Rajahs Of Sarawak*, op. cit. .